NanoMalaysia Sasar RM17 Bilion PNK Melalui Teknologi Nano
Bernama
24 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- NanoMalaysia Bhd sedang meninjau permulaan pembangunan teknologi nano bagi membolehkan ia terus menyumbang satu peratus kepada pendapatan negara kasar (PNK) menjelang 2020, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Rezal Khairi Ahmad.

"Syarikat ini akan menggunakan empat sektor -- sistem dan peranti elektronik; tenaga dan persekitaran; makanan dan pertanian; serta, penjagaan kesihatan, perubatan dan kesejahteraan -- untuk mencapai sasaran tersebut, yang bersamaan RM15 kepada RM17 bilion dan seterusnya," katanya.

Rezal berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), Zulkifli Mohamed Hashim, yang mewakili menteri Datuk Dr Ewon Ebin, dan Naib Canselor UTP Datuk Dr Abdul Rahim Hashim.

Dalam perjanjian itu, golongan ini bersedia memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pelancaran pengurusan termal bagi industri pemancar cahaya diod di Malaysia.

Rezal berkata kerjasama ini bertujuan mengeksploitasi pengetahuan teknologi UTP dengan membentuk rangkaian am bagi pembangunan perniagaan baharu bersama rakan kongsi yang berpotensi mereka cipta sesuatu yang baharu dan/atau menginovasi produk teknologi nano, melalui pelbagai pengolahan komersil.

Abdul Rahim berkata MoU itu menandakan satu pencapaian penting bagi perjalanan UTP ke arah menjadikan ia institusi pengajian tinggi terkenal di peringkat antarabangsa.

Sebelum itu, Zulkifli Mohamed Hashim berkata perkongsian majlis tandatangan NanoMalaysia-UTP itu merupakan acara penting bagi kedua-dua pihak dan MOSTI, bersempena 'Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014'.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024334